



16 Februari 2017  
**SIARAN MEDIA**

**MAJLIS AMANAT MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN**

**Kelana Jaya, 16 Februari 2017 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANKASA)** pada hari ini telah menganjurkan **Majlis Amanat Menteri oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin** bertempat di Auditorium ANKASA, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya. Program ini telah dirasmikan oleh **Presiden ANKASA, YBhg. Dato' Haji Abdul Fattah Haji Abdullah**.

Majlis yang dianjurkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat ANKASA ini merupakan salah satu platform bagi ANKASA dan Gerakan Koperasi Malaysia supaya lebih cakna dengan perancangan dan agenda yang telah disusun oleh kerajaan dalam membantu koperasi menerusi agensi dan badan – badan sedia ada seperti ANKASA untuk memacu serta mentransformasi gerakan koperasi supaya selari dengan perkembangan ekonomi semasa dan halatuju pembangunan Negara.

Menerusi program penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan, ANKASA komited dan yakin dalam membantu kerajaan meransang dan menyumbang kepada pertumbuhan gerakan koperasi Negara. ANKASA juga menyarankan koperasi meneroka pelbagai bidang baru yang boleh dimanfaatkan untuk menaikkan taraf ekonomi koperasi serta anggotanya dan usaha ini sedang berjalan melalui lapan sektor peneraju yang dilihat mampu memberi impak ekonomi kepada koperasi tidak kira di peringkat nasional dan antarabangsa.

ANKASA akan sentiasa bekerja bersama – sama Kementerian dan agensi berkaitan koperasi demi memastikan kelangsungan gerakan koperasi dan menyumbang kepada ekonomi Negara serta menjadi badan yang mewakili suara koperasi samada dalam dan luar Negara.

**ANKASA**

ANKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Pada masa ini ANKASA menaungi kira-kira 13,274 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 8 juta orang. Jumlah modal syer / yuran anggota adalah sebanyak RM13.81 bilion, jumlah aset RM123.27 bilion dan perolehan sebanyak RM35.26 bilion (sasaran 2015, RM37 bilion; sasaran 2020, RM50 bilion).

(Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANKASA telah mendapat pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan sistem pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh :  
Bahagian Komunikasi Korporat ANKASA  
Tel. : 03-7884 6493  
Faks : 03-7884 6489